

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai peruntukan untuk pemeliharaan atau pengajaran bahasa ibunda atau bahasa etnik di sekolah, yang diperuntukan dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996, walaupun kumpulan etnik tersebut dianggap sebagai kumpulan kecil seperti Lun Bawang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tafsiran “sekolah kebangsaan” dan “sekolah menengah kebangsaan” dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] memperuntukkan, antara lain, di mana kemudahan bagi pengajaran bahasa kaum asli hendaklah diadakan jika didapati munasabah dan praktik untuk berbuat sedemikian dan jika ibu bapa sekurang-kurangnya dari lima belas orang murid di sekolah itu memintanya.

Namun begitu, pelaksanaan ini tertakluk kepada beberapa faktor, termasuklah kapasiti professional dan keupayaan pengoperasian. Penetapan ini adalah untuk memastikan bahasa etnik yang hendak dilaksanakan dapat ditawarkan secara berterusan dan pelaksanaannya di sekolah dapat disokong dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pentaksiran yang berkesan. Selain itu, pelaksanaan ini juga

memerlukan guru yang berkelayakan dan mampu menyampaikan pengajaran bahasa etnik tersebut dengan efektif untuk PdP.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa terdapat keperluan untuk menyediakan kemudahan PdP bahasa untuk beberapa etnik utama. Buat masa ini, KPM telah melaksanakan pembelajaran Bahasa Iban, Bahasa Kadazandusun dan Bahasa Semai di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggubalan kurikulum bahasa etnik perlu mengambil kira beberapa aspek seperti korpus bahasa yang luas agar dapat menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berterusan. Selain itu, sistem bahasa yang termasuk sistem ejaan, tulisan dan tatabahasa bahasa tersebut perlu dikaji secara ilmiah bagi memastikan PdP dapat disampaikan dengan lebih terancang dan sistematik. Ini bertujuan untuk mengelakkan percanggahan pendapat dalam aspek penggunaan tatabahasa dan sistem ejaan dalam penulisan. Selanjutnya, variasi bahasa yang dipilih untuk ditawarkan perlu mendapat sokongan majoriti dari masyarakat agar tidak menimbulkan isu ketidakfahaman murid dan guru serta masyarakat setempat. Sehubungan dengan itu, tenaga pengajar yang berkelayakan dan sebaik-baiknya guru opsyen perlu disediakan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah berkesan.

Sekian, terima kasih.